



# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**


**TAJUK :**

**MENANGANI JENAYAH  
BULI DALAM  
MASYARAKAT**



ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "MENAGANI JENAYAH BULI DALAM MASYARAKAT".<sup>1</sup>

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَالَّذِينَ يُؤْذُنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ

مَا أَكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَنَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فِي آيَةِ الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوْ اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

5

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

5

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**MENANGANI JENAYAH BULI DALAM MASYARAKAT**".

6

<sup>1</sup> Al-Ahzab: 58.



Buli dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Tanammur* (التنمر), *al-Idhtihad* (الإضطهاد), dan *al-Iza'* (الإيذاء), yang membawa makna perlakuan agresif, penindasan, atau tindakan menyakiti secara fizikal, emosi atau mental. Dalam konteks semasa, istilah *al-Tanammur* lebih kerap digunakan bagi menggambarkan perlakuan buli dalam pelbagai situasi. Ia bukan sekadar perbuatan menyakiti, tetapi satu bentuk kezaliman yang boleh menjaskan maruah dan kesejahteraan individu yang dibuli.

7

Rasulullah SAW dengan tegas melarang umat Islam daripada menyakiti sesama manusia, baik dengan kata-kata maupun perbuatan.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

8

"الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ"

"Orang Islam yang sempurna keislamannya adalah apabila orang-orang Islam lain terselamat daripada gangguan lidah dan tangannya"

9

(*Riwayat al-Bukhari*).

Pada zaman Jahiliah, konsep buli tidak seperti yang kita fahami hari ini, tetapi ia tetap wujud dalam bentuk penindasan terhadap golongan lemah, kezaliman berdasarkan status sosial, kekerasan antara suku kaum serta penghinaan dan penganiayaan terhadap anak perempuan. Begitu juga berlakunya penyalahgunaan kuasa dan normalisasi golongan yang kuat menindas golongan yang lemah tanpa rasa belas ihsan.

10



Namun, Islam datang sebagai cahaya yang menghapuskan kezaliman ini. Islam menegaskan bahawa manusia itu sama di sisi Allah SWT tanpa membezakan keturunan, pangkat atau kedudukan kecuali mereka yang bertakwa.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

11

*"...Sesungguhnya yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)..."*

Sesungguhnya Islam adalah agama yang membawa keadilan, mengangkat martabat mereka yang tertindas, melindungi wanita, kanak-kanak, hamba, dan fakir miskin sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Anas Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Tolonglah saudaramu, sama ada dia seorang yang menzalimi atau dizalimi."*

12

Lalu seorang lelaki berkata: *"Wahai Rasulullah, aku akan menolongnya jika dia dizalimi, tetapi bagaimana jika dia yang menzalimi, bagaimana aku menolongnya?"* Baginda menjawab: *"Kamu menahannya atau menghalangnya daripada melakukan kezaliman, maka itu adalah bentuk pertolongan kepadanya."*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Buli berpotensi untuk berlaku dimana-mana tempat atau suasana yang pelbagai, sama ada di tempat kerja, sekolah atau institusi pengajian tinggi, jalan raya, kawasan kejiraninan mahupun di dunia maya. Ia dilakukan secara sengaja dan sedar oleh individu atau kumpulan dalam bentuk gangguan emosi, tekanan atau penghinaan, sama ada secara fizikal mahupun dalam talian disebabkan oleh pengaruh fitnah, perasaan dengki dan dendam serta gagal mengawal emosi dan kemarahan.

13



Dalam konteks di sekolah pula, buli merupakan salah satu isu disiplin yang paling serius. Menurut kajian, perbuatan buli secara fizikal adalah yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di beberapa negeri di Malaysia. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih cenderung terlibat dalam tingkah laku buli berbanding pelajar perempuan.

14

Hakikatnya buli bukan sekadar perbuatan menindas atau menyakiti tetapi dalam kes yang lebih tragis ia boleh meragut nyawa. Kematian akibat buli adalah bukti nyata betapa dahsyatnya kesan perbuatan ini. Sebagai contoh kes buli pernah direkodkan pada Mei 2017 melibatkan pelajar-pelajar di sebuah universiti awam Malaysia yang membuli rakannya sehingga menyebabkan kematian hanya kerana dituduh mencuri komputer riba. Malangnya insiden seperti ini sering berlaku kerana mangsa tidak mendapat bantuan pada waktu yang sepatutnya dan tiada sesiapa yang berani bertindak menghentikannya sebelum terlambat.

15

Bagi menangani jenayah buli di sekolah khususnya, guru dan kaunselor yang dilantik harus diberikan latihan khusus untuk mengenal pasti tanda-tanda awal mangsa buli serta memberikan sokongan psikologi yang berkesan. Ibu bapa juga perlu dilibatkan secara aktif dalam perbincangan dan penyelesaian kes buli agar tindakan dapat diambil lebih awal sebelum ia menjadi lebih serius.

Sebagai langkah strategik, pihak sekolah perlu mengambil pendekatan proaktif dalam mengenal pasti punca buli dengan melaksanakan kempen kesedaran dan bimbingan serta menguatkuasakan tindakan disiplin yang tegas terhadap pelaku buli. Tingkah laku membuli harus dibanteras sepenuhnya dengan mewujudkan budaya yang berdasarkan prinsip saling menghormati, bertoleransi dan menerima kepelbagaian dalam kalangan murid dan tenaga pengajar.

16



Bagi mewujudkan suasana kondusif di sekolah-sekolah, maka disarankan kepada pihak sekolah untuk meneliti semula dasar dan amalan sedia ada serta mengkaji status kes buli yang wujud di sekolah masing-masing. Keutamaan dasar perlu ditetapkan bagi memulakan perubahan yang efektif. Jawatankuasa Anti Buli juga wajar diwujudkan bagi meningkatkan kesedaran tentang keburukan gejala buli.

17

Semua pihak perlu terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan inisiatif ini bagi menangani dan mengurus insiden buli yang semakin berleluasa.

Bagi meningkatkan hubungan positif antara pihak sekolah, ibu bapa, dan komuniti, maka strategi berkesan yang telah dirancang bersama perlulah diterapkan, termasuklah menggalakkan sokongan rakan sebaya serta memperkuuh peranan guru untuk diangkat sebagai teladan di sekolah. Dalam proses ini, pemimpin utama di sekolah sama ada pengetua atau guru besar memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kejayaan inisiatif pencegahan buli.

18

Pada masa yang sama, pendidikan dan kesedaran perlu diperkuuhkan melalui kempen yang menekankan kesan negatif buli di samping menerapkan nilai hormat dan empati sejak awal. Peraturan dan dasar yang tegas juga harus dikuatkuasakan dengan memastikan undang-undang tersebut menetapkan tindakan tatatertib ataupun hukuman yang sewajarnya terhadap pelaku jenayah buli, selain menyediakan saluran aduan yang selamat untuk mangsa-mangsa buli.

19



Sokongan daripada masyarakat dan kerajaan turut memainkan peranan penting dalam menangani isu ini. Penyediaan talian bantuan atau kaunseling bagi mangsa serta galakan untuk mereka melaporkan kejadian tanpa rasa takut adalah antara langkah yang perlu diambil.

Dalam semua aspek ini, penglibatan pemimpin amat diperlukan untuk memainkan peranan aktif dalam mencegah dan menangani jenayah buli. Masalah buli dalam sesebuah komuniti bukan tanggungjawab individu semata-mata tetapi memerlukan usaha secara bersama daripada semua pihak. Dengan sokongan yang kukuh dan tahap kesedaran yang tinggi, insyaAllah jenayah buli dapat dikurangkan sehingga akhirnya dapat menjadikan masyarakat kita hidup lebih aman, selamat dan harmoni.

20

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Islam melarang keras sebarang bentuk penindasan, penghinaan atau perbuatan yang menyakiti orang lain sama ada secara fizikal, lisan maupun emosi.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa ingat bahawa perbuatan menzalimi orang lain bukan sahaja membawa keburukan di dunia tetapi juga akan dipertanggungjawabkan di akhirat.
3. Umat Islam hendaklah prihatin terhadap keadaan saudara sekelilingnya kerana berdiam diri terhadap kezaliman atau membiarkannya berterusan bererti bersubahat dalam dosa.

21



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَاوْنَ  
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ عَاهَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا  
لَّهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِيقُونَ ﴿١١﴾

22

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaularah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka; orang-orang yang fasik".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتُهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَّةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَيِّيكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَانِي عِنَّا يَتِيكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ

9

شَاهِ الحاجِ ابنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ العَزِيزِ شَاهِ الحاجِ.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ

عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُوْ أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ

10

الْحَاجِ،

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنَكَ وَكَرِمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ

11

عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ

الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12



13	Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahanan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.
14	Ya Allah! kukuhkanlah pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.
15	رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا عَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾ .
16	عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبُغْيَ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
17	فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَرِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.